

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Jumaat, 3 Julai 2020 10:23 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Kongsi Aspirasi Bersama Pensyarah Muda



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 JULAI 2020 / 11 ZULKAEDAH 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR KONGSI ASPIRASI BERSAMA PENSYARAH MUDA



UUM ONLINE: "Saya akan *'pass the baton'* satu hari nanti kerana UUM kini telah memiliki ramai pensyarah muda berbakat yang akan membantu universiti ini menjadi universiti tersohor.

"Tahniah kerana semua pensyarah ini berjaya menamatkan PhD dengan cemerlang dan usaha ini adalah titik permulaan menjadi ahli akademik. Semua masih ada 30 tahun lagi di UUM, justeru saya akan *'pass the baton'* ini kelak," kata Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani ketika berkongsi aspirasi bersama pensyarah muda melalui telesidang Webex, baru-baru ini.

Naib Canselor berkata, zaman beliau agak sukar kerana teknologi tidak secanggih sekarang dengan sumber yang terhad berbanding zaman sekarang yang mana teknologi maklumat memudahkan info diperolehi dengan cepat dan pantas.

Menurutnya, sesi interaksi itu bertujuan memantapkan lagi teknik pengajaran dalam menghadapi era digital yang berfaedah dalam meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos jadi gunakan peluang dengan sebaik mungkin untuk melonjakkan UUM menjadi sebuah universiti yang ulung dan gemilang.

Katanya, zaman sudah berubah dan kini manusia berhadapan dengan cabaran dari dalam dan luar negara, justeru sebagai ahli akademik juga harus berubah dengan perkembangan semasa kerana pendidikan bukan bersifat statik tetapi dinamik.

“Teroka teknik pengajaran baharu di era digital seperti *remote learning* dan Webinar serta giatkan kegiatan pemasaran untuk mempromosikan universiti.

“Saya berharap sebagai pelapis muda, jangan malu berkongsi idea, jangan takut dikritik, sedia untuk berubah dan bergerak ke hadapan dengan meningkatkan keyakinan diri dan keupayaan masing-masing dalam segala aspek,” katanya.

Tambah beliau, UUM akan menubuhkan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang berpaksikan kepada data raya (big data) dan Artificial Intelligence (AI), justeru pelapis muda sedia ada perlu bergerak ke hadapan untuk memajukan universiti.

“Jangan terlalu bergantung kepada internet atau bacaan di *Google*, sebaliknya cuba berfikir dengan lebih kritikal malah pengalaman berharga yang ditimba ketika melanjutkan pelajaran ke luar negara seperti United Kingdom, Australia dan Jepun wajar dipraktikkan di UUM.

“Ini adalah zaman kamu yang akan membentuk UUM. Suatu hari nanti ada antara pensyarah muda ini akan jadi Prof. Madya dan Profesor. Saya yakin semua sudah bersedia bersama UUM untuk muncul Top 50 dalam masa yang pantas,” katanya.

Pada sesi tersebut, Prof. Dato’ Dr. Ahmad Bashawir turut menasihatkan supaya pensyarah-pensyarah ini sentiasa menyumbang buah fikiran, selain menekankan penguasaan bahasa Inggeris yang amat penting terutamanya dalam penulisan jurnal berimpak tinggi.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.